



# Apa Sesudah Malaysia?

Oleh: Rien SD

Image: Freepik

Menjelang Hari Malaysia, kita seperti anak kecil yang sedang nyenyak tidur kemudian terbangun daripada lena buaiannya. Setelah sedar, kita disua dengan bermacam rempah ratus patriotisma menggantikan muluk-muluk yang pernah disepakati sejak lebih 50 tahun yang lalu. Demikian sejarah diimbau dan diselak dari kerumunan kertas-kertas lusuh tinggalan orang-orang lama. Lebih setengah abad, kita masing-masing menjamah manisan di pinggan sendiri, perjanjian dimeterai dan membawa kepada pakatan yang masyhur dalam kitab sejarah. Kini tidak lagi menadah pinggan sendiri, kita sudah menuang segala ramuan budaya, cita-cita dan aspirasi dalam talam, dikongsi dan digauli oleh tangan-tangan citra merdeka daripada warna kulit yang berbeza.

Kini, 59 tahun pembentukan Malaysia, apakah kita masih menjadi rakyat yang hanya memperingatinya sebagai peristiwa atau mempertanyakan inti dan pencapaiannya? Bersiapkah kita untuk mengorek, menyelongkar dan membongkar segala yang pernah diputuskan sehingga ke jantung persoalan? Wajarkah seseorang mendiktat dan memanipulasi rakannya yang lain sedangkan mereka berjanji untuk menjadi pasukan yang utuh diikat pada tali setiakawan dan kebersamaan?

Sejarah pembentukan Malaysia adalah teks-teks yang sudah lama berkeliaran dalam kerumunan fikrah rakyat Malaysia. Bermula dari bangku sekolah ke pentas-pentas arus perdana termasuklah menjadi jampi serapah para pemuka politik dalam negara untuk menjadi azimat mereka memenangi simpati rakyat. Malangnya, ketika berada di kerongkong ahli politik, naratif pembentukan Malaysia ini sudah menjadi kahak yang jijik. Tercabut dari nilai patriotisme dan tertanggal daripada perspektif plural dan majmuknya. Ianya menjadi bingit dan nyaring ketika sampai ke gegendang telinga rakyat sehingga kita menjadi mual dan loya. Apakah kita akan membiarkan naratif seperti ini mengeksplorasi faham bernegera rakyat Malaysia?

## Representasi Sabah & Sarawak

14 tahun yang lalu, pada tahun 2008, tokoh sejarah Dr. Khoo Kay Kim mencadangkan kepada kerajaan Malaysia untuk melaksanakan cuti umum seluruh negara sempena tarikh keramat 16 September. Simbolik kepada penyertaan Sabah dan Sarawak bersama Persekutuan Tanah Melayu untuk membentuk negara berdaulat, Malaysia. Turut mencadang perkara itu adalah beberapa lagi pemimpin politik daripada Pakatan Rakyat ketika itu. Namun, ianya dianggap mencetus polemik dan dianggap tidak sihat dari segi perpaduan nasional oleh Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Najib Razak daripada Barisan Nasional (BN).

Naratif yang cacamerba ini berlarutan—walaupun Hari Malaysia telah diisytiharkan sebagai cuti umum untuk seluruh negara—apabila kelihatan seakan-akan UMNO yang ketika itu parti pemerintah melaksanakan cuti umum kerana ingin mempertahankan kerusi kekuasaannya memandangkan Sabah dan Sarawak dilihat penting untuk kelangsungan parti itu, menurut Profesor James Chin, Pengarah Institut Asia, Universiti Tasmania dalam wawancaranya di New Naratif.

Loya dan mualnya rakyat dengan perspektif politik partisan yang cenderung untuk bersikap manipulatif atas fakta sejarah yang konkret bersangkut isu pembentukan Malaysia dan hak-hak rakan kerjasama dalam koalisi itu, maka kita telah melihat protes dan rungutan politikal daripada akar umbi apabila segelintir rakyat Sabah dan Sarawak mengemudi kelompok pemisah semisal Sarawak for Sarawakian (S4S) di Sarawak dan tiupan propaganda dan retorik politik Sabah for Sabahan di Sabah. Kita tidak akan menilai moral kelompok ini di sini namun melihat titik persamaan antara keduanya iaitu sentimen anti-Malaya.

Sehingga hari ini, ianya menjadi barah yang memakan tali kepercayaan antara masyarakat di Malaysia terutamanya pemomokan yang hampir berjaya dimonopoli oleh ahli politik yang rakus dalam memastikan keinginan politik mereka terkabul meskipun perlu melalui lorong-lorong perpecahan dalam masyarakat. Berdekad lama ianya disumbat masuk ke dalam kepala masyarakat bahawa Malaya satu-satunya penyamun yang menjarah hasil mahsul bumi Borneo tanpa meneliti dan meninjau kelakuan ahli politik tempatan yang menebas dan merampas setiap inci kekayaan negerinya.

Hal ini telah berterusan sehingga ke hari ini. Berpuluhan tahun kita telah membangun negara, namun yang ditanam dalam hati rakyat adalah curiga dan waspada. Kita sentiasa merasa tidak selamat atas sebab kelakuan mereka yang tidak bertanggungjawab, pecah amanah, diskriminatif, fasih, dan tamak haloba mengumpul kekayaan dengan jalan kekuasaan.

Langkah berani oleh Sabah dan Sarawak, apabila pemimpin mereka tanpa segan silu menyuarakan dan menuntut representatif Sabah dan Sarawak di parlimen sebanyak 35% iaitu 78 kerusi daripada 222 kerusi parlimen sebagaimana pada tahun 1963, Sabah mempunyai 16 kerusi, Sarawak 24 kerusi dan Singapura 15 kerusi iaitu 35% daripada 159 kerusi parlimen ketika itu. Tuntutan ini dilontarkan pada mesyuarat Majlis Khas Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) bulan ini. Langkah progresif seperti ini penting bagi memastikan semangat dan ruh MA63 yang menjadi anutan para peserta dalam penggabungan Malaysia sentiasa marak, mekar, dan tidak hilang lenyap dimamah bumi.

Perkara ini penting bagi meredakan curiga rakyat kepada Malaya apabila representatif Sabah dan Sarawak dalam parlimen mampu mempengaruhi majoriti penggubalan atau pelaksanaan dasar dan polisi negara. Kita

boleh menamatkan gejala buli dalam negara antara persekutuan dan negeri Sabah dan Sarawak.

### Pendidikan MA63 untuk rakyat

Selepas dua (2) tahun Malaysia dibentuk, Singapura memilih untuk berpisah. Secara rasminya negara itu merdeka pada Ogos 1965. Walaupun begitu, Sabah dan Sarawak, sebagai dua daripada pengasas Malaysia tetap utuh dan percaya bahawa perjanjian dan autonomi mereka akan tetap dihormati dan ditegakkan oleh perlombagaan Malaysia.

1976, Sabah dan Sarawak mula dipinggirkan dan disisihkan apabila perjanjian MA63 disusun semula. Ketika itu, Sabah dan Sarawak diturunkan taraf dari rakan sekutu ke negeri-negeri di dalam Malaysia sahaja. Keputusan ini menemukan titik paling mendukacitakan apabila usul ini diundi tanpa bantah oleh beberapa pemimpin politik dari Sabah dan Sarawak sendiri.

Setelah bertahun lamanya, MA63 masih menjadi perdebatan penting antara rakyat, ahli politik, akademik dan mereka yang teguh dengan perjuangan menuntut hak dan autonomi Sabah dan Sarawak sebagai rakan sekutu dalam pembentukan Malaysia. Kita masih menantikan, apakah hayatnya masih panjang? Bilakah ianya akan berakhir? Ini kerana tuntutan MA63 bukanlah tentang “memberikan” tetapi “menunaikan” janji yang sudah disepakati.

MA63 telah menjadi jargon yang ngeri dan kayangan memandangkan ianya tidak bersentuhan secara langsung kepada rakyat bawahan melainkan terma-termanya hanya menjadi usul perbahasan dalam parlimen dan sesama pemegang taruh. Ini antara halangan besar kepada pembentukan gelombang menuntut MA63 apabila masyarakat terutamanya Sabah dan Sarawak masih belum tercerah dan tidak mendapat akses kepada perkembangan tuntutan MA63 kerana ianya berlegar

dalam sfera politik partisan dan menjadi bahan kempen menjelang pilihanraya dan pemilihan wakil rakyat semata-mata.

Majlis Khas MA63 dan pengwujudan kementerian Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) masih belum terlalu efektif dan progresif dalam membawa tuntutan MA63 terutamanya di peringkat nasional. Pendidikan MA63 juga perlu disebarluaskan ke seluruh Semenanjung Malaysia agar semua orang memahami, mengerti dan saling mendukung ke arah pelaksanaannya.

Kita berharap Hari Malaysia kali ini menjadi titik tolak kepada keputusan yang lebih memihak dalam isu tuntutan MA63 serta menjamin hak dan autonomi semua warga terutamanya rakan sekutu dalam perjanjian pembentukan Malaysia iaitu Sabah dan Sarawak. Berhenti polemik dan sensasikan isu ini sehingga ianya menjadi tuntutan yang boleh dilupa dan dilempar masuk ke bakul sampah dengan sewenang-wenangnya. Kita perlu menghentikan kitaran politik yang sarat prejedis dan kolot sehingga mengorbankan aspirasi rakyat yang lebih besar dan citra bernegara yang majmuk dan ragam. Pendidikan MA63, hak warga dan autonomi semua yang berada dalam negara berdaulat ini perlu dijamin dan ditunaikan tanpa kata dua.

Demi Malaysia yang sejahtera. Selamat Hari Malaysia yang ke-59. Merdeka! 



Image: Freepik